



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 14 TAHUN 2020**

---

**MENERIMA PAKAI PK 2.4  
BERKAITAN PERATURAN LANJUTAN MASA (EOT)  
ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI  
KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN OLEH  
PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP) DENGAN PINDAAN**

**Pejabat Bendahari**

**18 Ogos 2020**

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

# **UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (14)

18 Ogos 2020

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 14 TAHUN 2020**

### **MENERIMA PAKAI PK 2.4 BERKAITAN PERATURAN LANJUTAN MASA (EOT) ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN OLEH PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DENGAN PINDAAN**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf berkaitan pemakaian PK 2.4 berkaitan Peraturan Lanjutan Masa (*Extension of Time – EOT*) Atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) Bagi Kontrak Kerajaan Yang Terkesan Oleh Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan pindaan Universiti Malaysia Kelantan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kertas Kerja Cadangan Menerima Pakai PK 2.4 berkaitan Peraturan Lanjutan Masa (*Extension of Time – EOT*) Atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) Bagi Kontrak Kerajaan Yang Terkesan Oleh Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dengan Pindaan ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan secara edaran pada 28 Mei 2020. Seterusnya, kertas kerja ini juga diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2020 pada 28 Jun 2020.

### **3. PEMATUHAN KEPADA PERATURAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

- 3.1 Peraturan Perolehan bagi Badan Berkanun Persekutuan (WP 7.5) yang telah diterima pakai oleh pihak Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 4 Tahun 2019 (Kali Ke-51) yang telah bersidang pada 14 November 2019 telah menetapkan bahawa Agensi Kerajaan yang menerima peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan, tidak kira agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan, **dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) selaras dengan ketetapan oleh Pekeliling Perbendaharaan (PP)**.
- 3.2 Walau bagaimanapun, WP 7.5 juga menetapkan bahawa sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan yang menggunakan dana dalaman hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah BBP terlebih dahulu melalui perakuan Lembaga Perolehan (LP).

### **4. PK 2.4 BERKAITAN PERATURAN BERKAITAN LANJUTAN MASA (EOT) ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN OLEH PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 4.1 Peraturan ini adalah terpakai kepada semua kontrak perolehan semasa yang berkuat kuasa pada atau selepas 18 Mac 2020. Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan tindakan pelaksanaan EOT/LTK diselesaikan sebelum atau pada 31 Disember 2020.
- 4.2 PK 2.4 Berkaitan Peraturan Berkaitan Lanjutan Masa (EOT) Atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) Bagi Kontrak Kerajaan Yang Terkesan

Oleh Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

## 5. PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)

- 5.2 Bagi mempercepatkan Kelulusan EOT/LTK bagi mengambilkira kesan penguatkuasaan PKP boleh diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus dengan pindaan seperti dalam Jadual 1 berikut:

BIL	JENIS KONTRAK/ PERJANJIAN	HAD NILAI	PBM	
			SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIAN- NYA	SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA
1.	Kontrak perolehan kerja	Sebut Harga (Nilai Perolehan Melebihi RM20K Sehingga RM500K)	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JKSU)	
		Tender (Nilai Perubahan Kerja Tidak Melebihi RM1juta)	Jawatankuasa Perubahan Kerja	
		Tender (Nilai Perubahan Kerja Melebihi RM1juta sehingga RM4juta)	Lembaga Perolehan Universiti (LP)	
		Tender (Nilai Perubahan Kerja Melebihi RM4juta)	Kementerian Kewangan	
2.	Kontrak perolehan perkhidmatan perunding		Pegawai Pengawal	
3.	Kontrak bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang bernilai RM500ribu dan ke atas	Melebihi RM500,000 hingga RM100juta	LP	Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
		Melebihi RM100juta	Kementerian Kewangan	

BIL	JENIS KONTRAK/ PERJANJIAN	HAD NILAI	PBM	
			SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIAN- NYA	SUMBER DALAMAN SEPENUHNYA
4.	Kontrak perolehan Kerajaan yang bernilai di bawah RM500 ribu. Contoh: kontrak undi, sebutharga dan lain-lain yang berkaitan.			JKSU

**Jadual 1 : Pindaan PBM EOT/LTK**

## **6. PEMAKAIAN**


6.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,



**JUNAIDAH BINTI BADAR**

Bendahari

b.p: Naib Canselor



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN BERKAITAN LANJUTAN MASA (EOT) ATAU  
LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK)  
BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN OLEH  
PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (PKP)**

**( Kuat Kuasa  
Pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020 )**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

### **PERATURAN BERKAITAN TATACARA LANJUTAN MASA (EOT) ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN DENGAN PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

<b>1. Pendahuluan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Notis EOT/LTK .....</b>	<b>3</b>
<b>4. Pentadbiran Kontrak .....</b>	<b>4</b>
<b>5. Penutup.....</b>	<b>4</b>
<b>6. Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>4</b>

**PERATURAN BERKAITAN TATACARA LANJUTAN MASA (EOT) ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN DENGAN PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**1. Pendahuluan**

- 1.1 Kerajaan melalui Perutusan Khas YAB Perdana Menteri (PM) pada 16 dan 25 Mac 2020, diikuti pula pada 10 serta 23 April 2020 telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 12 Mei 2020 bertujuan untuk mengurangkan interaksi individu secara bersemuka bagi membendung penularan wabak pandemik Covid-19.
- 1.2 Arahan PKP yang dikeluarkan oleh YAB PM adalah selaras dengan akibat penularan pandemic Covid-19 dan Kerajaan telah bersetuju memberikan EOT disebabkan arahan PKP.
- 1.3 Peraturan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan melaksanakan Lanjutan Masa (*Extension of Time – EOT*) atau Lanjutan Tempoh Kontrak (LTK) bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP.

**2. Pihak Berkuasa Melulus (PBM)**

- 2.1 Kelulusan EOT/LTK bagi mengambilkira kesan penguatkuasaan PKP boleh diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

BIL.	JENIS KONTRAK/PERJANJIAN	PBM
1.	Kontrak perolehan kerja Kerajaan yang menggunakan PWD203A/ PWD203/PWD DB	Pegawai Pengguna (SO)/Pengarah Projek (PD).
2.	Kontrak perolehan perkhidmatan perunding.	(i) Pegawai Pengawal. (ii) Ketua Pengarah [hanya bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)]
3.	Kontrak bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang bernilai RM500 ribu dan ke atas.	(i) Pegawai Pengawal. (ii) Ketua Pengarah (hanya bagi JKR dan JPS).

BIL.	JENIS KONTRAK/PERJANJIAN	PBM
4.	Kontrak perolehan Kerajaan yang bernilai di bawah RM500 ribu.  Contoh: kontrak undi, sebutharga dan lain-lain yang berkaitan.	(i) Pegawai Pengawal atau Pentadbir Kontrak ( <i>Contract Administrator – CA</i> ) iaitu Pegawai yang telah diturunkan kuasa untuk menandatangani kontrak selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 berdasarkan had nilai kuasa.  (ii) Ketua Pengarah (hanya bagi JKR dan JPS).

- 2.2 SO/PD/CA/Wakil Kerajaan (*Government Representative – GR*) hendaklah melaksanakan penilaian untuk menentukan tempoh EOT/LTK yang boleh diberikan kepada semua kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP.
- 2.3 Penilaian penentuan tempoh EOT/LTK hendaklah sekurang-kurangnya mengambil kira tempoh PKP dan faktor lain seperti *mobilisation* dan *demobilisation* pekerja, jentera dan peralatan oleh syarikat termasuk kesediaan tapak serta isu-isu lain. Tempoh EOT/LTK hendaklah diteliti dan diperinci bagi mendapatkan tempoh paling munasabah.
- 2.4 Menurut AP201.1, kelulusan LTK untuk kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang bernilai melebihi RM200 ribu hanya boleh diberi sekali sahaja. Walau bagaimanapun, pertimbangan LTK lebih dari sekali hanyalah dibenarkan bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang terjejas dengan PKP sahaja tertakluk tidak melibatkan tambahan kuantiti. Ketetapan ini juga terpakai bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding bernilai melebihi RM20 ribu sehingga RM200 ribu. Pertimbangan dan kelulusan LTK ini oleh PBM seperti di perenggan 2.1 hendaklah dibuat melalui Sistem ePerolehan berdasarkan aliran seperti di **Lampiran A**.
- 2.5 Semua pertimbangan dan kelulusan EOT/LTK oleh PBM bagi kontrak perolehan Kerajaan hendaklah dibuat ke atas kontrak yang masih berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, pertimbangan kelulusan EOT/LTK bagi kontrak Kerajaan yang telah tamat dalam tempoh PKP atau sebulan selepas PKP berakhir adalah dibenarkan menggunakan tatacara ini.

### 3. Notis EOT/LTK

- 3.1 Selaras dengan pelaksanaan PKP, kelayakan untuk mendapatkan EOT/LTK adalah automatik diberikan kepada syarikat manakala tempoh pelanjutan adalah berdasarkan penilaian Kementerian/Jabatan. Oleh itu, notis EOT/LTK hendaklah dikeluarkan kepada syarikat bagi semua kontrak Kerajaan yang terjejas.
- 3.2 Notis EOT/LTK hendaklah dikeluarkan oleh SO/PD/CA/GR dan disampaikan kepada syarikat secara bertulis samada melalui surat, emel, faks atau lain-lain perhubungan termasuk hebahan menggunakan medium media sosial.

#### 4. Pentadbiran Kontrak

- 4.1 Bagi syarikat yang telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) atau Denda Lewat (DL) sebelum PKP, pengiraan LAD/DL adalah sehingga 17 Mac 2020 sahaja. Seterusnya, syarikat adalah layak diberi EOT/LTK dengan tempoh seperti perenggan 2.3. Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja/bekalan/perkhidmatan selepas EOT/LTK ini, maka Perakuan Kerja/Perbekalan/Perkhidmatan Tidak Siap hendaklah dikeluarkan dan LAD/DL hendaklah dikenakan semula.
- 4.2 LAD/DL hendaklah dihentikan dalam tempoh EOT/LTK yang diberikan akibat PKP dan dikenakan semula setelah tempoh EOT/LTK tersebut tamat.
- 4.3 Syarikat tidak layak untuk membuat Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan (*Claim Loss & Expense*) bagi EOT/LTK akibat PKP ini berdasarkan ketetapan Kerajaan mengikut prinsip *force majeure*.
- 4.4 Bagi kontrak Kerajaan yang tidak mempunyai klausula *force majeure*, Kementerian/Jabatan hendaklah menyediakan perjanjian tambahan (*Supplementary Agreement – SA*) yang ringkas. Antara perkara yang perlu dimasukkan di bawah SA adalah:
  - a. Tempoh EOT/LTK yang telah diluluskan; dan
  - b. Syarat di perenggan 4.3.

Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk Bahagian Undang-undang masing-masing untuk penyediaan SA.

- 4.5 Kementerian/Jabatan tidak perlu memohon syarikat mengemukakan Bon Pelaksanaan yang baharu bagi tempoh EOT/LTK yang diluluskan.

#### 5. Penutup

- 5.1 Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan kontrak Kerajaan sentiasa berada dalam tempoh kontrak bagi mengelakkan sesebuah kontrak itu berada dalam keadaan *time at large*.

#### 6. Tarikh Kuat Kuasa

- 6.1. Peraturan ini terpakai kepada semua kontrak perolehan Kerajaan semasa yang berkuat kuasa pada atau selepas 18 Mac 2020. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan tindakan pelaksanaan EOT/LTK diselesaikan sebelum atau pada 31 Disember 2020.
- 6.2. Sekiranya terdapat perbezaan arahan MOF, peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeliling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui pekeliling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## LAMPIRAN A

### CARTA ALIRAN PROSES UNTUK PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK DI BAWAH KUASA PEGAWAI PENGAWAL

1. Pegawai Pengawal boleh melaksanakan proses pelanjutan di dalam sistem eP dengan menggunakan workaround PBM = Kementerian Kewangan Malaysia.
2. Carta aliran proses adalah seperti berikut:

PERANAN	PROSES
1. Pentadbir Kontrak	1. Membuat carian kontrak yang hendak dibuat pelanjutan 2. Memilih Pindaan Dengan Kontrak Tambahan pada menu Pilihan 3. Memilih Jenis Pindaan = "Pelanjutan Kontrak" dan mengunci masuk maklumat pelanjutan kontrak 4. Memilih PBM = Kementerian Kewangan Malaysia 5. Memilih dan menyerahkan pindaan kontrak kepada Pelulus Kontrak untuk semakan dan kelulusan
2. Pelulus Kontrak	Menyemak dan meluluskan proses Pindaan dengan Kontrak Tambahan
3. Pentadbir Kontrak	Mengunci masuk keputusan Pegawai Pengawal dan memuat naik surat kelulusan Pegawai Pengawal
4. Pentadbir Kontrak	Menyediakan Surat Berkaitan Kontrak Tambahan
5. Pelulus Kontrak (Optional)	Menyemak dan meluluskan Surat Berkaitan Kontrak Tambahan
6. Pembekal	Mengesahkan penerimaan Surat Berkaitan Kontrak Tambahan
7. Pentadbir Kontrak	Mengesahkan penerimaan Surat Berkaitan Kontrak Tambahan oleh pembekal
8. Pentadbir Kontrak 9. Pelulus Kontrak	1. Penyediaan draf Perjanjian Tambahan dan kelulusan 2. Memuktamadkan Perjanjian Tambahan bersama BUU dan kelulusan Perjanjian Tambahan yang dimuktamadkan

3. Proses lengkap boleh dirujuk di dalam portal ePerolehan – Muat Turun – Muat Turun Manual Pengguna -No 7 Manual Pengguna Pengurusan Kontrak – Mukasurat 262
4. Pertanyaan/aduan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:
  - (i) Puan Nor Wan Ma'zita binti Sharif (emel: [mazita.sharif@treasury.gov.my](mailto:mazita.sharif@treasury.gov.my))
  - (ii) Encik Wan Ayuzi bin Wan Ibrahim (emel: [ayuzi.ibrahim@treasury.gov.my](mailto:ayuzi.ibrahim@treasury.gov.my))